



*Memo*

**LEMBAGA GETAH MALAYSIA**  
**MALAYSIAN RUBBER BOARD**

Kepada : Semua Anggota LGM  
Daripada : Ketua Unit Pengurusan Sumber Manusia  
Rujukan : LGM/BPS/UPSM/A/0047  
Tarikh : 26 Ogos 2009

**KENYATAAN UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BIL 13 TAHUN 2009**

**PELAKSANAAN PENGURUSAN CUTI  
HUMAN RESOURCE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (HRMIS)  
DI LEMBAGA GETAH MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Permohonan cuti menggunakan E-Cuti, SISPEN telah dihentikan pelaksanaannya berkuat kuasa pada 31 Mac 2009. Arahan dikeluarkan melalui Kenyataan UPSM Bil. 7 Tahun 2009 bertarikh 2 April 2009.

3. Sila ambil maklum berkuat kuasa mulai **1 September 2009**, anggota LGM dikehendaki memohon cuti menggunakan Modul Pengurusan Saraan, Faedah dan Ganjaran, HRMIS melalui [www.eghrmis.gov.my](http://www.eghrmis.gov.my). Pihak UPSM telah memberi taklimat dan mengedarkan buku panduan permohonan cuti HRMIS kepada kerani cuti di Bahagian/Unit/Stesen tuan/puan. Sila rujuk Kerani Cuti sebelum membuat permohonan.

4. Walau bagaimanapun, pelaksanaan E-Cuti di Pejabat Wilayah/Negeri akan dilaksanakan secara berperingkat dan kekal secara manual sehingga dimaklumkan kemudian.

5. Sebarang pertanyaan lanjut bolehlah menghubungi kerani cuti Bahagian/Unit/Stesen masing-masing atau Pasukan HRMIS di UPSM.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF"**

**(ROSNA BT ABD. RAZAK)**

s.k : Y. Bhg. Dato' Ketua Pengarah  
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Operasi)  
Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Inovasi)  
Pengarah-Pengarah Bahagian